

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NASIONAL

Dewan kecoh isu naikkan kompaun biak nyamuk Aedes

Kuala Lumpur: Dewan Rakyat semalam kecoh apabila Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim (BN-Baling) mendakwa Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye cuba mempolitikkan soalan tambahannya.

Terdahulu Abdul Azeez mencadangkan kerajaan menaikkan kompaun RM500 mengikut Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 kerana ia terlalu kecil bagi pemaju sehingga mereka membiarkan air bertakung di tapak pembinaan menyebabkan pembiakan nyamuk Aedes.

Ini menyumbang kepada peningkatan kes denggi yang denggan menyebabkan statistik kematian terus meningkat.

Dr Boon Chye dalam jawapannya menyatakan denda berkeenaan kecil bagi Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) berkeenaan, namun besar bagi rakyat.

Jawapan berkeenaan menyebabkan Abdul Azeez melenting dan meminta Timbalan Menteri memahami soalnya yang jelas mahukan denda dinaikkan untuk pemaju bukan orang miskin.

Datuk Seri Dr Shahidan Kassim (BN-Arau) kemudian bangu menggunakan Peraturan Mesyuarat 36 (6) berhubung sangkaan jahat terhadap Ahli Parlimen.

Bagaimanapun, Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Mohd Rashid Hasnon meminta Timbalan Menteri meneruskan jawapan.

Shahidan terus berdiri, namun ditegur Mohd Rashid supaya menghormati Timbalan Menteri yang sedang menjawab soalan dan tidak mencelah tanpa kebenarannya.

Dr Boon Chye kemudian memberi jawapan bahawa kementeriannya bersetuju dengan cadangan berkeenaan.

"Saya setuju dengan cadangan YB Baling supaya denda berkeenaan dinaikkan untuk membendung pembiakan Aedes demi kepentingan rakyat," katanya.

Mengikut Subseksyen 13 Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 denda bagi kesalahan pertama ialah RM500 dan mengikut akta sama mereka yang melakukan kesalahan berkeenaan bagi kali kedua boleh dikenakan denda RM10,000 atau dua tahun penjara, atau kedua-duanya sekali.

Bagi kesalahan berulang, mereka boleh didenda maksimum RM50,000, atau dipenjara lima tahun, atau kedua-duanya sekali.

Menjawab soalan asal Alice Lau Kiong Yieng (PH-Lanang), Dr Boon Chye berkata, hingga 27 November lalu, sebanyak 118,416 kes denggi dilaporkan di seluruh negara membabitkan 164 kematian.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NASIONAL

Permohonan Kementerian Kesihatan tambah 10,675 jawatan dilulus

Putrajaya: Kerajaan meluluskan permohonan Kementerian Kesihatan mewujudkan 10,675 bilangan jawatan berdasarkan keperluan keperluan fasiliti kesihatan yang telah siap dan bakal beroperasi tahun ini hingga 2020.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman, berkata keperluan tambahan itu membabitkan perjawatan pegawai perubatan, pergigian dan farmasi, selain jururawat, penolong pegawai perubatan dan lain-lain jawatan melalui kaedah penajajaran jawatan kosong dari semua kementerian.

Sebagai permulaan, katanya, waran perjawatan yang mengandungi 365 perjawatan telah diserahkan kepada Hospital Rembau, Negeri Sembilan, iaitu sebahagian daripada jumlah diluluskan yang akan diagih secara berperingkat.

"Kelulusan permohonan KKM ini mengambil kira untuk menambah baik kualiti perkhidmatan kesihatan kepada rakyat, namun begitu sektor perkhidmatan lain juga penting dan turut menyumbang kepada pembangunan negara," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Mohd Khairul Adib turut menyampaikan waran perjawatan bagi Hospital Rembau kepada Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan, Datuk Seri Dr Chen Chaw Min.

Mengulas lanjut, Mohd Khairul Adib berkata, penyelesaian isu perjawatan ini perlu dilihat secara menyeluruh dan tidak hanya tertumpu kepada satu kementerian.

Tahun lalu, katanya, kerajaan memutuskan untuk menyasarkan pengurangan lima peratus daripada 1.7 juta perjawatan di sektor awam melalui pelaksanaan Dasar Kawalan Saiz Perkhidmatan Awam bagi tempoh tiga tahun bermula 2019 sehingga 2021.

 **Keperluan tambahan itu membabitkan perjawatan pegawai perubatan, pergigian dan farmasi, selain jururawat, penolong pegawai perubatan dan lain-lain jawatan.**

**Mohd Khairul Adib
Abd Rahman,
Ketua Pengarah
Perkhidmatan Awam**